

Universiti medan perkhasa potensi

UB 14/09/2011 B9

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com



KAMARUZAMAN

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) ini menegaskan bahawa mahasiswa harus menggunakan setiap peluang yang ada untuk menimba sebanyak mungkin pengetahuan dan pada masa yang sama sentiasa meneroka potensi diri untuk mencapai yang lebih baik.

Menyampaikan amanat itu dalam majlis penutupan Minggu Suai Mesra sei 2011/2012 baru-baru ini, Kamaruzaman turut menyarankan agar mahasiswa baru universiti itu turut bergiat aktif dalam kurikulum.

UMS, katanya, mempunyai pelbagai kelab dan persatuan yang boleh disertai mahasiswa untuk mengenalpasti dan mengembangkan bakat dan potensi mereka.

"Bagaimanapun,



JANJI...Wakil dari setiap sekolah mengetuai bacaan lafaz ikrar Aku Janji sebagai mahasiswa baru UMS.

diingatkan agar dalam kesibukan mendapatkan ilmu pengetahuan ini, para mahasiswa tidak lupa untuk menjaga kesihatan dan kebajikan diri demi memastikan perjalanan kehidupan sebagai mahasiswa dapat dilalui dengan sebaiknya," kata beliau.

Sebelum ini, Kamaruzaman dalam majlis pengenalan pegawai utama universiti turut menekankan pentingnya kematangan dalam diri setiap mahasiswa untuk membezakan antara perkara yang perlu dan tidak perlu mereka lakukan sekiranya ingin berjaya.

(Gambar kanan) SAKSI... Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Aman antara yang menjadi saksi majlis lafaz ikrar Aku Janji mahasiswa baru UMS baru-baru ini.



(Gambar atas) AZAM... Mahasiswa harus patuh pada janji yang dilafaz dan harus sentiasa menjaga nama baik universiti.

"Berbeza dengan pengalaman di zaman persekolahan, kaedah penyampaian setiap kursus di UMS tidak didominasi oleh aktiviti kuliah sebaliknya turut memberikan tumpuan kepada pembelajaran bebas secara berkumpulan.

"Ini bermakna mahasiswa harus membiasakan diri dengan proses pembelajaran tidak hanya berlaku di bilik kuliah dan tugas pensyarah tidak lagi mengejar masa untuk menghabiskan silibus sebaliknya bertanggungjawab memastikan mahasiswa mencapai hasil pembelajaran kursus," katanya.

Tambahnya, elemen

kemahiran insaniah juga adalah yang perlu diberi penekanan oleh mahasiswa sepanjang berada di universiti.

KEMAHIRAN INSANIAH

"Antara kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pihak industri adalah berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sendiri turut menekankan kepentingan perkembangan dan penerapan kemahiran dalam kalangan mahasiswa dengan membangunkan instrumen Skala Kemahiran Insaniah Malaysia (My3S).

"Selain memerlukan mahasiswa memberi maklum balas semasa terhadap instrumen ini, selepas tiga hingga lima tahun iaitu selepas menamatkan pengajian mereka, mahasiswa juga diminta untuk memberi maklum balas kepada instrumen ini untuk mengenalpasti pencapaian mereka," katanya.


Dalam pada itu, beliau turut berkongsi maksud di sebalik moto UMS, Bertekad Cemerlang yang turut menjadi tajuk lagu universiti itu.

Bertekad Cemerlang, katanya, bukanlah sekadar laungan tetapi asas dan falsafah kepada komitmen keazaman seluruh kakitangan dan mahasiswa universiti itu.

"Moto ini menekankan kepada usaha menjadikan kecemerlangan sebagai budaya dalam sebarang aktiviti yang akan menjadi pendorong dan sasaran utama UMS. Apatah lagi UMS sedang memburu gelaran sebagai universiti inovatif bertaraf dunia," katanya.

Bagaimanapun, tegasnya, setiap usaha dan inisiatif yang diambil atau dilaksanakan universiti itu tidak akan membuahkan hasil sekiranya tidak mendapat sokongan daripada mahasiswa.

"Mahasiswa harus bijak mengoptimalkan kemudahan yang disediakan, memaksimumkan kepakaran yang ada dan mendapatkan ilmu pengetahuan sedalam yang boleh bagi melengkapkan diri," kata Kamaruzaman.



IKRAR...Aku Janji adalah ikrar mahasiswa untuk mematuhi peraturan universiti seperti yang tertakluk dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).



DAFTAR...Para mahasiswa baru menunggu giliran untuk membuat pendaftaran pada 6 Sept lepas.